

12 AUG 1997

Anwar-KLIA

KLIA PERLU TEMPOH 3 BULAN SEBELUM DIBUKA KEPADA UMUM

SEPANG, 12 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru di sini boleh beroperasi pada 1 Jan tetapi atas nasihat pakar adalah wajar ia dibuka kepada umum dalam tempoh suku pertama tahun depan.

Tempoh tiga bulan itu adalah bagi tujuan percubaan dan ujian semua sistem pengurusan lapangan terbang, kata beliau.

Ia juga bertujuan mengawasi kecekapan dan keselamatan di semua peringkat di lapangan terbang itu termasuk ujian penerbangan, pengendalian begasi dan penyajian makanan, kata beliau kepada pemberita selepas melawat tapak projek lapangan terbang berharga RM9,000 juta itu.

"Kita masih berpegang kepada pengumuman awal yang lapangan terbang ini akan siap pada 1 Jan. Cuma untuk kegunaan awam kita pastikan pada suku pertama tahun depan," katanya.

Sebelum lawatan itu Anwar mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet mengenai pembangunan KLIA. Yang hadir sama ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Isnin, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Samad dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert.

Apabila ditanya sama ada akan berlaku lagi kelewatan dalam menyiapkan projek itu, Anwar berkata; "Secara teknikalnya ia harus siap menjelang 15 Dis dan boleh beroperasi pada 1 Jan depan."

Bagaimanapun, katanya, atas nasihat pakar operasi, adalah lebih baik diberi tempoh tiga bulan percubaan di KLIA.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat lapangan terbang itu dan menyaksikan pendaratan pesawat pertama, jenis Boeing 747 menggunakan KLIA pada 15 Sept ini.

Minggu lepas, Dr Ling menyatakan bahawa operasi KLIA tertangguh daripada jadual asal 1 Jan tahun depan kepada tempoh tiga bulan pertama tahun depan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata kemudiannya bahawa penangguhan operasi KLIA untuk tujuan komersial itu tidak kritikal.

Anwar hari ini juga memberi jaminan bahawa KLIA akan beroperasi lebih awal daripada Sukan Komanwel yang akan berlangsung pada September tahun depan.

Kerja pembangunan KLIA siap pada 15 Sept manakala pada 15 Dis seluruh operasi KLIA berjalan mengikut rancangan supaya dapat memulakan ujian, katanya.

Anwar juga berkata Malaysia Airports Berhad dan Penerbangan Malaysia telah diminta supaya menyelaraskan beberapa operasi di situ dengan maksud pembukaan rasmi kegunaannya walaupun tarikh ia dibuka kepada umum akan ditetapkan kemudian.

Apabila ditanya mengenai pemindahan syarikat yang kini beroperasi di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang ke KLIA, Anwar berkata satu tarikh akan diberi kepada mereka dan sebuah jawatankuasa khas akan bertanggungjawab menangani masalah itu.

Mengenai mesyuarat itu, beliau berkata daripada taklimat dan perbincangan, tidak ada masalah yang agak rumit atau masalah pelaksanaan dibangkitkan selain urusan pengawasan dan teknikal yang kecil.

Beliau juga berpuas hati kerana jadual pembangunan KLIA dipatuhi dan hanya beberapa masalah kecil dikenal pasti dan akan diambil tindakan untuk mengatasinya. -- BERNAMA

ARA NMO